

# Bakal pengantin cari bapa kandung

Oleh ROSILAWATI ROSEDI 01 April 2024 04:31pm Masa membaca: 4 minit



Nuriyah buntu mencari bapa kandungnya yang masih belum ditemui hingga kini.

TEMERLOH - Seorang bakal pengantin, Nuriyah Mat Rais, 27 dari Kerdu di sini buntu mencari bapa kandungnya, Mat Rais Muhamad, 55 selepas pelbagai usaha dilakukan sejak Mac tahun lalu masih gagal hingga kini.

Anak keempat daripada enam beradik itu bakal melangsungkan pernikahannya pada 11 Mei depan.

Menurutnya, kali terakhir dia berjumpa dengan ayahnya di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh pada 2012 dan terus terputus hubungan hingga kini.

"Bapa bercerai dengan ibu, Rosnah Husin, 57, ketika saya berusia enam tahun.

"Saya sudah pergi ke alamat yang tertera di kad pengenalan bapa di Kampung Cengkenek dekat Kuala Krau tapi tidak ditemui juga malah adik-beradiknya mencari-cari kerana turut sudah lama tidak berjumpa," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Ujarnya, pelbagai usaha lain telah dilakukan namun masih gagal menemui bapa kandungnya.

Dia yang bekerja sebagai perunding pemasaran di Perak turut berharap agar bapa kandungnya dapat tampil untuk membantu melancarkan urusan tersebut.

"Dalam bulan baik, Ramadan ini moga doa termakbul segera temui selain rasa rindu terhadapnya selepas sekian lama tak dapat berjumpa," jelasnya lagi.

Mereka yang mempunyai maklumat mengenai bapa kandungnya boleh menghubungi Nuriyah di talian 013-5162114.